



**TEKS UCAPAN
AMANAT TAHUN BAHARU 2026**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KERJARAYA
BAGI BULAN JANUARI 2026**

**8 JANUARI 2026 | KHAMIS | 9.00 PAGI
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

<<< Salutati akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Berjumpa lagi kita di tahun 2026. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026. Tahun baharu, komitmen baharu dan saya berharap dengan semangat baharu ini kita akan dapat menghasilkan tugas yang bertambah baik bagi tahun ini dan tahun-tahun mendatang.
2. Di kesempatan ini juga, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga KKR atas komitmen, dedikasi dan kerja keras yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2025 dengan pelbagai pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan kita semua.
3. Seperti tahun-tahun sebelumnya, pembukaan tahun baharu kita mulakan dengan Perhimpunan Bulanan bagi semua warga KKR dan agensinya bagi kita sama-sama berkongsi pencapaian, kelemahan, cabaran dan tentunya 'goal' atau kejayaan yang ingin kita rintis pada tahun 2026 ini. Perhimpunan seumpama ini, meskipun nampak ringkas tetapi memerlukan komitmen setiap pihak terlibat bagi menjayakannya. Atas dasar itu, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Zainal

Al-Ahlab, TKSU(P) dan pasukan beliau yang bukan sahaja telah bertungkus lumus melaksanakan perhimpunan ini, tetapi turut mengambil inisiatif menyerapkan elemen-elemen segar dalam majlis seumpama ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Tahun 2026 menuntut tindakan yang lebih tangkas, keputusan yang lebih berani dan pelaksanaan di luar kotak yang lebih berkesan. Saya juga ingin berkongsi bahwa Pengurusan Tertinggi yang berbengkel di Genting Highland pada bulan Disember telah memutuskan bahawa Sense of Urgency atau SEGERA BERTINDAK menjadi Mantra rasmi Kementerian dan seluruh agensi di bawah naungannya bagi tahun 2026 ini. Saya mahu ini bukan hanya menjadi 'lip service' tetapi dibuktikan dengan tindakan.
5. Baru-baru ini, dalam Perhimpunan Bulanan dan Amanat Tahun 2026 YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, perkara ini turut disentuh oleh beliau. Ini jelas menunjukkan keseriusan dan pentingnya tindakan diambil segera terutama melibatkan aspek infrastruktur negara yang memberi kesan besar kepada kesejahteraan rakyat.
6. Dalam amanat tersebut, YAB PM menyebut Kementerian Kerja Raya sebagai antara kementerian utama yang menjadi pemacu kepada pemulihan dan pembangunan negara.

7. Sehubungan itu, beberapa arahan utama telah digariskan untuk tindakan segera, antaranya pelaksanaan projek-projek infrastruktur tanpa sebarang penangguhan yang tidak perlu, khususnya di peringkat negeri dan daerah agar kerja-kerja dapat dimulakan serta dipercepatkan dengan segera. Amanat-amanat dan teguran yang dikongsikan oleh beliau semalam tentunya bukanlah sekadar ucapan, tetapi arahan kerja yang jelas untuk kita di kementerian teknikal ini. Dan saya berharap kita semua dapat bekerja bersama-sama dengan lebih efisien, pantas dan berintegriti, mempunyai Sense of Responsibility, Sense of Accountability dan Follow Up Follow Through, seiring amanat yang telah dititipkan oleh YAB PM dan yang paling utama, demi kesejahteraan rakyat.

Hadirin yang dihormati,

8. Tahun 2025 telah memberi pengalaman yang amat bermakna kepada negara apabila Malaysia menggalas amanah sebagai Pengerusi ASEAN. Melalui pengalaman ini, kita bukan sahaja melihat realiti geopolitik dan ekonomi serantau dengan lebih jelas, malah menyaksikan bagaimana dasar-dasar global, termasuk dasar tarif oleh Amerika Syarikat, telah memberi kesan kepada banyak negara dan turut mempengaruhi ekonomi kita.

9. Dalam persekitaran global yang semakin mencabar ini, satu hakikat yang perlu kita terima ialah Malaysia hanya boleh kekal berdaya saing jika kita menjadi lebih produktif, lebih cekap dan lebih bertanggungjawab. Kita tidak lagi boleh berlengah atau bergerak pada kelajuan lama dalam dunia yang berubah dengan

begitu pantas. Jika kita gagal mempercepatkan keupayaan pelaksanaan dan memperkukuh sistem kerja sedia ada, kita akan berdepan risiko ketinggalan dalam persaingan global.

10. Semasa tempoh kepengerusian ASEAN, kita memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang landskap serantau. Kita sedar bahawa negara-negara yang kita anggap sebagai rakan juga merupakan pesaing. Kita memahami kekuatan dan kelemahan mereka, dan kesedaran ini seharusnya mendorong kita untuk memperkukuh keupayaan dalaman negara.
11. Pelaksanaan projek infrastruktur menuntut kita untuk menjadi lebih sensitif dan peka terhadap faktor kos, produktiviti dan kecekapan. Justeru, kita tiada pilihan lain selain membina budaya kerja yang menekankan semua aspek ini termasuklah akauntabiliti dan hasil. Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh KKR bukanlah perkara kecil. Setiap projek infrastruktur yang kita bangunkan mempunyai kesan langsung terhadap ekonomi negara, kesejahteraan rakyat dan daya saing Malaysia.
12. Saya ingin semua warga KKR dan agensi memahami bahawa kita adalah sebahagian daripada ekosistem kritikal negara, tidak kira sama ada saudara saudari adalah pegawai pentadbiran, jurutera, teknologis mahupun arkitek. Peranan kita umpama salur nadi dalam tubuh negara. Jika salur ini tidak berfungsi dengan baik, seluruh sistem akan terjejas.

13. Maka, bukanlah kebetulan apabila Kementerian Kerja Raya menjadi antara kementerian terawal dilawati dan disentuh oleh YAB Perdana Menteri dalam amanat beliau. Ini adalah satu pengiktirafan, tetapi dalam masa yang sama satu amanah besar yang mesti kita pikul dengan penuh kesungguhan.

PENCAPAIAN KKR DAN AGENSINYA DI TAHUN 2025

Hadirin yang saya hormati,

14. Seperti yang saya nyatakan di awal ucapan saya, banyak pencapaian yang signifikan telah kita capai pada tahun 2025. Tayangan video yang dipertontonkan tadi cukup membanggakan tetapi dalam masa yang sama menginsafkan kerana banyak lagi yang belum dilaksanakan yang akan ditagih oleh rakyat.
15. Dari jalan raya, lebuh raya, bangunan, jambatan mahupun pembangunan di luar bandar dan pedalaman, di setiap ceruk KKR berperanan. Program Santuni MADANI, Program Sekolah Angkat MADANI dan Kampung Angkat MADANI hanyalah sebahagian daripada senarai panjang pencapaian kita di sepanjang tahun 2025.
16. Tahun 2025 juga membuktikan kerjasama strategik BPSM KKR bersama Jabatan dan Agensinya telah berjaya memperkukuh pengurusan sumber manusia selari Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam, merangkumi pengukuhan kepimpinan, pembangunan

kompetensi, kesejahteraan warga serta penambahbaikan saraan dan perjawatan.

17. Pencapaian ini mencerminkan komitmen bersepadu seluruh warga KKR dan agensi dalam memastikan perkhidmatan yang lebih cekap, berintegriti dan berfokuskan rakyat, serta menjadi asas kukuh untuk mempertingkatkan kecemerlangan pada tahun 2026.

18. Pada pagi ini juga kita akan melancarkan Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2026-2030 (PSO KKR 2026-2030). Pelan Strategik Organisasi KKR 2026–2030 yang digubal ini akan dijadikan sebagai panduan hala tuju lima tahun Kementerian dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur yang lebih objektif, sistematik dan berimpak tinggi.

HALA TUJU STRATEGIK 2026

Hadirin sekalian,

19. Saya telah kongsi tadi beberapa kejayaan yang telah kita capai. Kerajaan dan rakyat akan terus meletakkan harapan yang tinggi di bahu kita. Melalui program Retreat Pengurusan yang telah saya hadiri bersama Pengurusan Tertinggi KKR dan agensi, beberapa fokus utama telah dipersetujui dan harus dilaksanakan iaitu:

- Mempercepat pelaksanaan projek infrastruktur awam;
- Meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna;
- Memperkasa industri pembinaan; dan
- Memperkasa profesional binaan.

20. Dalam kita berbangga dengan pencapaian yang telah dikecapi, tibalah masanya untuk melangkah ke hadapan dengan tekad baharu bagi merintis lebih banyak kejayaan demi kemajuan sektor kerja raya dan kesejahteraan rakyat.
21. Di peringkat lebuh raya pula, kita tidak harus hanya berpuas hati menjadi 10 teratas di Asia Tenggara, tetapi menempatkan negara dalam senarai peringkat dunia adalah sasaran kita. Kementerian dan pemain industri harus terus bekerjasama bagi memastikan sistem, keselamatan dan keselesaan lebuhraya dapat terus dipertingkatkan.
22. Saya juga ingin KKR terus memperkukuh pelaksanaan Program MYJalan bagi membudayakan amalan penjagaan sendiri melalui gagasan "*Jalan Kita, Tanggungjawab Kita*", agar ia benar-benar meresap sebagai nilai dan kesedaran bersama dalam kalangan masyarakat. Selaras dengan itu, MYJalan 2.0 akan berperanan sebagai hab sehenti nasional bagi pengurusan dan penyaluran aduan berkaitan jalan raya di seluruh Malaysia, sekali gus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan keselamatan pengguna jalan raya.
23. Kesemua ini perlu dilaksanakan secara kolaborasi dan sinergi berlandaskan whole of government and nation approach dan sense of urgency sebagai budaya kerja kita.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

24. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin menyeru sekali lagi kepada seluruh warga KKR agar terus melaksanakan amanah dengan penuh integriti, disiplin dan komitmen yang tinggi.

25. Tahun 2026 menuntut kita bekerja dengan cepat, tepat dan penuh tanggungjawab. **Sense of urgency** yang seringkali saya bersama YB Timbalan Menteri serta Yang Berbhg KSU laungkan, bukan sekadar slogan, tetapi satu budaya kerja yang mesti dihayati dan diterjemahkan dalam tindakan seharian.

26. Kita tidak mahu lagi berada di takuk lama, tetapi usaha ini tidak boleh dilakukan oleh satu individu. **No one is a Superman**. Malaysia hanya boleh menjadi negara hebat jika kita semua bergerak bersama ; dan the time is now.

Sekian, terima kasih.